Tatabahasa

Jalinan Kemesraan

Aktiviti

1. Kenal pasti kesalahan penggunaan kata ganti nama diri dan kategorikan mengikut jenis.
2. Betulkan kesalahan tersebut dan kemudian, tulis semula ayat yang betul.

Nadia dan kawan-kawannya berbual-bual di Pondok Ilmu pada waktu rehat.

Nadia: Durga, dengar khabar sekolah kita akan menganjurkan persembahan drama bersempena dengan bulan kemerdekaan. Saya ingin ikut serta.

Durga: Baguslah, ☐ memang berbakat, Nadia. Lakonan ☐ memang mantap.

Jia Wei: Menurut Cikgu Noraini sebentar tadi, ☐ aktiviti dalam bulan kemerdekaan mesti disertai murid pelbagai kaum.

Aliya: Baguslah begitu. Perpaduan antara ☐ dapat dieratkan lagi.

Jia Wei: Benar kata-kata ☐. Akan tetapi, perpaduan antara semua anggota masyarakat patut dieratkan lagi.

Durga: Ya, Jia Wei. Ada dalam kalangan anggota masyarakat di negara ☐ tidak suka bergaul dengan bangsa lain. ☐ selesa bergaul sesama sendiri sahaja.

Aliya: Sikap seperti ini tidak patut diamalkan oleh ☐ pihak pun. ☐ sudah lama hidup bersama-sama secara muhibah. Negara ini milik ☐ bersama.

Jia Wei: Wah, ☐ seperti Perdana Menterilah! ☐ selalu menasihati dan menyarankan ☐ agar bersatu padu.

Nadia: Saya memang hendak menjadi Perdana Menteri.

Durga: Nadia, cuba lakonkan semula lakonan sebagai permaisuri pada tahun lepas.

Nadia: Boleh. Tetapi, ☐ bertiga mesti menjadi dayang.

(*Nadia mula berlakon untuk memenuhi permintaan Durga*)

Nadia: Dengar sini, dayang sekalian, ☐ mahu semua dayang bersatu padu. Usah iri hati sesama sendiri. Sekarang, jalankan tugas masing-masing!

Durga: ☐ siapkan kerja dengan cepat. (*mengarahkan Aliya*) Usah diingkari titah ☐

Aliya: Eh, mengapa pula ☐ yang perlu siapkan kerja? ☐ lah yang patut lakukan kerja itu.

Nadia: Nampaknya tuan hamba ingkar arahan saya. Tuan hamba akan dihukum!

Aliya & Durga: Ampunkan ☐ berdua, ☐

(*Jia Wei mencelah dan menamatkan lakonan Nadia dan kawan-kawannya*)

Jia Wei: Amboi, garangnya permaisuri! Marilah kita kembali ke kelas.

5.6.1 Menganalisis dan membetulkan **kesalahan kata** dan frasa dalam sesuatu ayat.

LIVEWORKSHEETS